

**EFIKASI KENDIRI, DISIPLIN BELAJAR DAN PEGANGAN  
AGAMA SERTA HUBUNGANNYA TERHADAP  
MOTIVASI KE SEKOLAH DALAM KALANGAN  
MURID-MURID ORANG ASLI SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN BAWONG, SUNGAI SIPUT PERAK**

Ab.Hamid Ali<sup>1</sup>, Muhammad Ridzuan Idris<sup>1</sup> & Mohd Nazri Abdul Rahman<sup>2\*</sup>

**ABSTRACT**

In general, minority of the Orang Asli community in Malaysia is still lagging behind in various fields in terms of infrastructure, poverty, level of education and also the way of thinking. From the education context, this community suffers from high school dropout rates. Although educational opportunities are widely provided but a large number of students choose to leave school. This study aims to determine the factors that influence the motivation on going to school among Orang Asli students in one of the secondary schools in Perak. A total of 126 samples from a total of 265 form one and two students were analyzed using SMART-PLS3. Findings of the study showed that self-efficacy among Orang Asli Bawong students had a significant relationship with self-motivation to go to school ( $\beta = 0.364$ ,  $T = 4.285/p <0.00$ ), the ability to comply with school discipline showed a significant relationship with motivation to go to school. ( $\beta = 0.259$ ,  $T = 3.211/p <0.01$ ) as well as religious beliefs also showed a significant positive relationship on self -motivation to go to school ( $\beta = 0.233$ ,  $T = 3.112 p <0.002$ ). The evaluation of the structural model includes the evaluation of the value of R<sup>2</sup>, This study shows that the value of endogenous R<sup>2</sup> that is motivation to school is 0.478, this means the construct for all exogenous variable of motivation to school can explain the construct of 47.8%. This study contributes to teachers, administrators and JHEOA and the researchers themselves in identifying several factors that influence the motivation of indigenous students to school in addition to further developing this model more broadly.

**Keywords:** *Self-Efficacy, Study Discipline, Religious Beliefs, Motivation to School, Indigenous Students*

[1]

Institut Pendidikan Guru  
Malaysia

[2]

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
*mohdnazri\_ar@um.edu.my*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan Semenanjung Malaysia dipercayai telah wujud sejak awal 11,000 tahun sebelum masih (Jamalunlaili Abdullah, Nazura Mohamed Sayuti, Afiza Azura Mohamad Arshad, dan Mohd Ruzed Embong (2016). Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 154) di bawah Ordinan Orang Asli No 3, 1954, pindaan 1974 menyebut bahawa Orang Asli adalah mereka yang dilahirkan oleh mana-mana ibu atau bapa dari kumpulan etnik Orang Asli, bercakap dengan bahasanya, mengamalkan budaya, bangsa dan kepercayaan Orang Asli tradisional, dan menjadi anggota masyarakat Orang Asli ataupun seorang kanak-kanak daripada kesatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada kaum yang lain, dengan syarat kanak-kanak itu pada lazimnya mengamalkan tradisi bahasa dan kepercayaan dalam komuniti Orang Asli.

Sehingga kini masyarakat Orang Asli adalah termasuk kumpulan minoriti daripada sekitar 30 juta penduduk dengan anggaran populasi seramai 149, 723 orang (Jamalunlaili, 2015). Kumpulan Orang Asli yang tinggal di Semenanjung terdiri daripada tiga kumpulan iaitu Negrito, Senoi dan Malay Proto (UNICEF & CDC, Ministry of Education Malaysia, 1998). JAKOA merupakan sebuah badan khusus untuk memajukan masyarakat Orang Asli bertanggungjawab sepenuhnya dalam meningkatkan kesejahteraan dan memperkasakan modal insan dalam kalangan masyarakat Orang Asli, mereka juga turut memainkan peranan dalam mentadbir dan membangunkan infrastruktur Orang Asli dengan tujuan untuk memperbaiki taraf hidup dan keselesaan (Abd. Ghani Alias. 2015).

Biasanya apabila sesuatu perbincangan tentang masyarakat Orang Asli diketengahkan, terdapat empat perkara pokok yang menjadi sorotan utama terhadap kaum ini iaitu masalah infrastruktur, kemiskinan, tahap pendidikan dan cara berfikir (Jamalunlaili et.al, 2016). Isu ini menjadi fokus utama terhadap segenap lapisan pemimpin masyarakat dan kerajaan. Bagi penyelidik masyarakat dan budaya, mutakhir ini mula timbul beberapa kebimbangan terhadap masyarakat Orang Asli. Ramai dalam kalangan pengkaji mula melahirkan rasa bimbang terhadap tradisi mereka kerana semakin hari kaum ini berada dalam bahaya kepupusan (Benjamin, 2012; Abd. Ghani Alias. 2015). Bagaimanapun, dalam hal ini aspek pendidikan menjadi lebih menarik untuk dibincangkan, ini kerana banyak isu-isu berkaitan dengan kehidupan masyarakat Orang Asli bertumpu kepada tahap kesamarataan dalam akses pendidikan dan sejauh mana penerimaan komuniti untuk menghantar anak-anak ke sekolah serta sejauh mana pula anak-anak yang telah ke sekolah mampu bertahan untuk meneruskan pembelajaran mereka semasa dibangku sekolah. Kajian ke atas motivasi pelajar dalam kalangan murid-murid Orang Asli perlu dilakukan untuk merungkai sebahagian daripada persoalan yang mengenai kedudukan mereka dalam pendidikan.

Data semasa menunjukkan Malaysia termasuk dalam kalangan relatif perlahan dalam menangani masalah sosio-ekonomi, pendidikan dan kesihatan masyarakat Orang Asli (Othman, Lamin, Sihab & Said, 2012; Rusaslina Idrus, 2011). Isu utamanya adalah dalam masalah pendidikan (Jamalunlaili et. al, 2016; Misnaton Rabahi, Hamidah Yusof, Marinah Awang, 2015; Ramlee Mustapha, 2015). Secara amnya masyarakat Orang Asli mengalami masalah keciciran sekolah dengan kadar yang tinggi. Khusus terhadap negeri Perak, kajian menunjukkan kadar kualiti pendidikan terhadap Orang Asli di Negeri Perak adalah relatif perlahan (Michael & Chuen, 2012). Secara amnya terdapat beberapa faktor tertentu yang boleh mempengaruhi motivasi dan kecemerlangan akademik dalam kalangan murid-murid seperti efikasi kendiri (Wan Hanum Suraya dan Jamal @ Nordin, 2019), disiplin diri (Abd.Gani, 2018) dan pegangan agama (Abdul Munib, 2017). Selain itu, terdapat beberapa perkara lain lagi yang boleh diterangkan mengenai faktor-faktor yang boleh memativasikan diri untuk ke sekolah untuk belajar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi focus kepada tiga faktor di atas sahaja yang dianggap signifikan dengan kajian ini. Berdasarkan kenyataan ini maka kajian ini memberi tumpuan terhadap objektif berikut;

1. Mengkaji pengaruh hubungan di antara faktor-faktor efikasi kendiri terhadap motivasi untuk pergi ke sekolah dalam kalangan murid-murid Orang Asli.
2. Mengkaji pengaruh hubungan disiplin sekolah terhadap motivasi untuk pergi ke sekolah dalam kalangan murid-murid Orang Asli.
3. Mengkaji pengaruh pegangan agama terhadap motivasi untuk pergi ke sekolah dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

## SOROTAN KAJIAN

Di antara tujuan yang terkandung dalam Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dikeluarkan pada tahun 2012 bertujuan untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, jurang antara bandar dan luar bandar, jurang teknologi (digital), jurang antara tahap pencapaian pelajar, jurang antara pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas serta jurang sosio ekonomi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Untuk merealisasikan matlamat tersebut, jurang pendidikan perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti, dan kualiti dapat dipertingkatkan. Namun begitu secara realitinya di Malaysia, masih terdapat sebilangan kecil masyarakat yang masih tercicir dalam sektor pendidikan berbanding dengan kaum lain. Masyarakat yang dimaksudkan ialah masyarakat Orang Asli (Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil dan Rosmiza Mohd Zainol, 2014).

Dengan kadar keciciran Orang Asli sebanyak 41.5% dalam kalangan murid Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak JAKOA, ia menunjukkan satu angka yang sangat membimbangkan. Menurut Mazdi Marzuki et al., 2014) Kumpulan minoriti ini masih jauh ketinggalan dan mempunyai kadar keciciran dalam pendidikan yang tinggi dalam semua peringkat pendidikan bermula dari prasekolah hingga ke institusi pengajian tinggi. Kadar ini juga menunjukkan kurang separuh daripada purata kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Beberapa kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan keciciran masyarakat Orang Asli. Di antara faktor-faktor utama yang dikenal pasti ialah kegagalan masyarakat Orang Asli untuk beradaptasi dengan kaum lain, kurikulum sekolah yang diajar tidak sesuai dengan budaya masyarakat Orang Asli, stereotype orang Melayu terhadap Orang Asli dan selebihnya sikap ibu bapa Orang Asli (Juli, 2006). Dari perspektif geografi pula, faktor lokasi petempatan Orang Asli yang berselerak dan kebanyakannya jauh di pedalaman menyebabkan darjah aksesibiliti mereka kepada kemudahan pendidikan agak rendah. Menurut JAKOA, 31.7 peratus perkampungan Orang Asli terletak di pedalaman, 61.45 peratus di pinggir bandar dan 1.38 peratus di bandar (Zainal Abidin, 2004). Ketiadaan operasi perkhidmatan pengangkutan awam yang melalui kawasan pedalaman turut menyukarkan perjalanan pelajar Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan dan situasi ini boleh mempengaruhi tahap aksesibiliti pelajar Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan.

Bagaimanapun, kajian ini berfokus kepada faktor internal yang dilihat memainkan peranan utama terhadap kesedaran murid-murid Orang Asli untuk hadir sekolah. Berdasarkan kenyataan ini, kajian ini akan melihat faktor-faktor efikasi kendiri, kesesuaian mereka dalam mematuhi disiplin diri semasa di sekolah dan juga amalan agama mereka terhadap motivasi untuk ke sekolah.

### ***Efikasi Kendiri dan Motivasi ke Sekolah***

Menurut Rustika Made (2016), Teori kognitif sosial Bandura memberi tumpuan kepada konsep efikasi kendiri, ia mengandaikan bahawa individu melaksanakan kawalan ke atas fikiran, perasaan, dan tindakan mereka sendiri akan lebih percaya dan berupaya untuk menyusun dan melaksanakan sesuatu tindakan yang diperlukan untuk mencapai matlamat tertentu. Hubungan antara efikasi kendiri dan motivasi adalah penting dalam erti kata bahawa orang yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi umumnya percaya bahawa mereka berada dalam kawalan kehidupan mereka sendiri dan berusaha untuk memajukan diri.

Kajian sebelum ini mendapat terdapat hubungan positif yang signifikan di antara efikasi kendiri dengan motivasi (Farihah Salwa, 2012). Guiffrida, Lynch, Wall & Abel (2013) dalam kajiannya menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara orientasi motivasi dan juga efikasi kendiri. Dalam hal ini, efikasi kendiri dilihat sangat memberi sumbangan efektif terhadap motivasi belajar. Bagi murid-murid dalam kalangan Orang Asli, sudah tentu mereka yang mempunyai efikasi kendiri yang kuat akan cenderung untuk tidak mudah berputus asa dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat diri. Jika efikasi kendiri mereka lemah, sudah tentu pelbagai tugas sekolah akan dihadapi dengan keadaan sukar. Oleh yang demikian, tahap kepercayaan terhadap kebolehan sendiri memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan kerjaya.

Berdasarkan kenyataan ini, hipotesis yang terbentuk adalah efikasi kendiri mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap motivasi murid-murid Orang Asli SMK Bawong untuk ke sekolah.

### ***Disiplin Diri Semasa di Sekolah dan Hubungannya Dengan Motivasi ke Sekolah***

Pelajar yang cemerlang selalu dikaitkan dengan keupayaan mereka mematuhi disiplin diri yang tinggi, mereka akan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap pelajaran, sentiasa berusaha meningkatkan pencapaian akademik dan pembentukan akhlak diri. Menurut Wan Suhaila Wan Yaacop dan Yahya Don (2018), di antara ciri-ciri yang termasuk dalam kelompok sekolah berkesan ialah ia perlu memiliki ciri suasana disiplin sekolah yang teratur tanpa perlunya membina peraturan ketat, tenang dan tanpa penindasan, tetapi selesa untuk suasana proses pengajaran.

Disiplin diri adalah keupayaan diri untuk melakukan sesuatu perkara yang diketahui dan ianya perlu dilakukan walaupun ianya berada diluar kemahuan diri (*Cambridge Dictionaries Online*). Menurut Sasson (2016), disiplin diri bermaksud penguasaan diri, keupayaan diri untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak sihat atau apa-apa yang boleh membawa kepada kesan negatif. Dua pertimbangan besar dalam meningkatkan kejayaan seseorang ialah disiplin diri dan motivasi.

Tahap disiplin individu adalah berbeza di antara satu sama lain, tahap disiplin ini boleh mempengaruhi kehidupan sosial dan peribadi. Sekiranya seorang pelajar mempunyai keyakinan yang kuat dan tahap disiplin diri yang kukuh ia akan memberi kesan dalam memudahkan individu menggapai kejayaan, memiliki pencapaian yang lebih baik serta mencapai matlamat (de Ridder, Lensvelt-Mulders, Finkenauer, Stok, & Baumeister, 2012; Gorbunovs, Kapanieks, & Cakula, 2016). Biasanya pelajar berdisiplin akan sentiasa mengelakkan diri daripada melakukan masalah, golongan ini mampu menangani tugas dan mengatasi sebarang kemungkinan kesukaran dalam pembelajaran. Pelajar yang berdisiplin juga sentiasa cuba untuk mencari penyelesaian yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah, jelasnya mereka yang memiliki ketahanan disiplin diri yang kuat akan lebih tabah jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai kawalan diri (Hofmann, Baumeister, Förster, & Vohs, 2012). Sedangkan motivasi pula adalah komponen yang sangat penting untuk meningkatkan kemajuan. Menurut Gorbunovs, Kapanieks & Cakula (2016), motivasi memainkan peranan dalam mendorong emosi kita untuk melakukan sesuatu yang kita minati. Bagi masyarakat Orang Asli, motivasi ke sekolah sangat penting untuk mereka meneruskan alam persekolahan. Sekiranya motivasi ke sekolah semakin berkurang maka sudah tentu keciran akan berlaku. Oleh itu, daya tarik sekolah perlu diperkuatkan melebihi daya tarikan tanah pamah, hutan, gunung, sungai serta pelbagai flora and fauna yang sangat signifikan dengan kehidupan mereka sebelum ini (Ramlee Mustapha, 2013). Kajian sebelum ini menunjukkan adanya hubungan positif yang signifikan di antara disiplin diri dan motivasi belajar (Dian Yuni Lutfiana, 2015).

Bagi pelajar-pelajar dalam kalangan Orang Asli yang boleh mengikuti disiplin diri dengan cemerlang semasa belajar serta mampu mengekalkan tahap disiplin dengan lebih baik semasa dalam belajar sudah tentu akan lebih mendorong mereka untuk ke sekolah. Berdasarkan literatur di atas, maka kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara disiplin diri dan motivasi untuk kesekolah dalam kalangan murid-murid Orang Asli di SMK Bawong.

### ***Agama dan Hubungannya Terhadap Motivasi ke Sekolah***

Mutakhir ini banyak didapati pendekatan agama sering dilakukan oleh sekolah-sekolah dalam memastikan kejayaan anak-anak. Memang tidak dapat dinafikan kejayaan sebuah sekolah banyak dibantu oleh budaya hidup beragama dalam kalangan pelajarnya (Majid Ghasemy et.al, 2018).


Amalan agama yang baik seperti rajin mengamalkan sembahyang berjemaah dan amalan-amalan sunat seperti sembahyang sunat hajat, tahajud, berzikir, berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis serta amalan tazkirah yang menjadi amalan sebahagian besar pelajar merupakan faktor penting yang boleh membantu kecemerlangan pelajar. Walaupun amalan keagamaan ini sukar diukur kesannya kepada keberkesanannya sekolah, namun amalan seperti ini dapat membersihkan jiwa. Menurut Ahmad Busroli (2019), sebelum belajar seseorang pelajar itu mestilah membersihkan jiwanya daripada kecenderungan yang buruk dan perangai yang jelek. Oleh yang demikian, amalan-amalan ini perlu dijadikan amalan yang berterusan dan bukan hanya apabila hampir dengan sesuatu peperiksaan sahaja (Majid Ghasemy et.al, 2018).

Masyarakat Orang Asli SMK Bawong terdiri daripada dua kelompok, pertama kelompok beragama Islam dan kedua, kelompok animisme. Walaupun kelompok animisme dianggap sebagai kumpulan tanpa agama namun secara fitrah mereka tetap memiliki agama dan mengamalkan agama secara animisme. Berdasarkan hakikat mengenal Tuhan adalah sifat hakiki yang ada pada setiap manusia maka sudah tentu setiap pelajar boleh dianggap sebagai mereka yang memiliki jiwa keagamaan dan mereka juga mengamalkan amalan agama sekurang-kurang semasa mereka berada di kampung halaman dengan mengikuti amalan ritual kaum mereka. Bagi masyarakat orang-Orang Asli khususnya murid-murid Orang Asli di SMK Bawong sama ada yang mengamalkan ajaran animisme dan agama Islam sudah pasti akan merasa sesuatu kelainan apabila mereka menghayati kehidupan beragama dengan lebih baik. Bagi pelajar Islam peraturan asrama menyuruh mereka melakukan ibadat solat, membaca al-Quran dan solat tepat pada waktunya setiap waktu. begitu juga dengan amalan-amalan lain seperti berbuat baik terhadap guru, amalan menghormati sesama sendiri dan sebagainya.

Sekiranya diambil konsep motivasi sebagaimana yang nyatakan oleh Gorbunovs, Kopenieks & Cakula (2016), motivasi memainkan peranan dalam mendorong emosi seseorang untuk melakukan sesuatu yang diminati. Bagi masyarakat Orang Asli, pengaruh agama dilihat salah satu elemen yang mampu memainkan peranan penting ke arah memotivasi mereka untuk ke sekolah sekaligus menjadi perangsang bagi mereka untuk meneruskan alam persekolahan.

Berdasarkan kenyataan ini, maka hipotesis yang akan dibentuk melalui kajian ini adalah terdapat hubungan positif yang signifikan di antara amalan agama terhadap motivasi ke sekolah dalam kalangan pelajar SMK Bawong.

Berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, landasan teori dan hipotesis yang dibentuk melalui kajian ini maka model kajian adalah sebagaimana berikut;



## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui kaedah pungutan data daripada sampel yang dikehendaki secara serentak dalam satu masa (Creswell, 2018). Persampelan menggunakan kaedah *purposive sampling*. Kriteria pemilihan sampel ini dilakukan berdasarkan kedudukan kelompok khusus iaitu dalam kalangan murid orang Asli sahaja yang mempunyai ciri yang berbeza dengan murid biasa. Kaedah persampelan dilakukan secara bersemuka dengan pelajar, pengkaji membahagikan soal selidik kepada setiap pelajar dan menunggu sehingga jawapan selesai diberikan.

Kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah menengah di Negeri Perak. Sekolah ini merupakan sekolah menengah harian Orang Asli yang pertama di negara ini yang telah dibuka pada 18hb. September 2016. Menurut Asliza Musa (2016) dengan terbukanya sekolah ini, ia memberi manfaat kepada 57 perkampungan Orang Asli di sekitar daerah ini termasuk sebahagian kecil dari Kuala Kangsar. Sehingga kini terdapat 443 orang pelajar di SMK Bawong yang terdiri daripada beberapa Perkampungan Orang Asli di sekitarnya seperti Kampung Chenein, Kampung Bawong, Kampung Kajang, Pos Poi, Pos Piah, Pos Legap, Pos Perwor, Pos Legap dan Kuala Mu. Kebanyakan

mereka menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Piah, SK Pos Poi, SK Pos Kuala Mu, SK Pos Legap, SK Pos Perwor, SK Kampung Kenang dan SK Pos Pelantok. Menurut pengetuannya Anuar Mamat, Sebelum SMKB dibuka, kebanyakan pelajar Orang Asli di kawasan terbabit ditempatkan di asrama harian SMK Simpang Beluru, Kuala Kangsar dan SMK Muhibbah, Sungai Siput Utara.

Kajian ini hanya berfokus kepada pelajar tingkatan satu dan dua sahaja. Sebanyak 150 soal selidik diedarkan kepada pelajar. Mereka menjawab soal selidik secara sukarela. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 126 sampel sahaja dapat dikembalikan. Sebelum sesi menjawab soal selidik berlangsung, pelajar-pelajar diberi taklimat dan kefahaman tentang tujuan soal selidik dan membuat penjelasan terhadap soalan yang terkandung di dalam soal selidik.

Kajian ini menggunakan soal selidik dalam lima skala likert, soal selidik motivasi ke sekolah diadaptasi daripada Skaalvik & Rankin (1995), Soal selidik amalan agama diadaptasi daripada oleh Schwartz (2006), soal selidik efikasi kendiri diadaptasi daripada Zimmerman, Bandura & Martinez-Pons (1992), manakala soal selidik disiplin sekolah diadaptasi daripada Ma, Xin (2001). Data yang dikumpulkan melalui set soal selidik dan telah diproses dengan menggunakan SPSS versi 22.0 manakala kajian yang berbentuk hubungan, pengaruh hubungan dan sumbangan pengaruh hubungan terhadap masing-masing pemboleh ubah pula pengkaji menggunakan *Second Generation Technique, Structural Equation Modelling Smart Partial Least Square (Smart-PLS)*.

Untuk menganalisis dapatan kajian ini, teknik analisis smartPLS 3.0 software telah digunakan. Sebagaimana yang dicadangkan, kajian ini menggunakan *two-stage analytical procedures* (Anderson and Gerbing, 1988). Pengkaji telah melakukan ujian terhadap measurement model (*validity and reliability of the measures*) diikuti dengan penjelasan terhadap keputusan daripada structural model iaitu berkaitan dengan keputusan ujian dan keputusan hubungan setiap hipotesis yang dicadangkan (Hair et al. 2014; Ramayah et al. 2011, 2013). Untuk melihat aras signifikan, terhadap *path coefficients* dan *loadings*, kaedah *bootstrapping* telahpun digunakan. (Hair et al. 2014).

### ***Kesahan dan Kebolehpercayaan***

Penilaian terhadap model pengukuran dilakukan dengan cara melihat kesahan (*validity*). Terdapat dua perkara penting dalam menilai kesahan iaitu *convergent validity* dan *discriminant validity*. *Convergent validity* terhadap model pengukuran merujuk kepada keputusan *loadings*, *average variance extracted (AVE)* dan juga *composite reliability*. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Hair et al. (2014), nilai loading hendaklah lebih daripada nilai 0.7, nilai composite reliability juga hendaklah melebihi 0.7 sedangkan nilai AVE pula hendaklah melebihi 0.5 Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini nilai loading boleh diterima sekiranya masih kurang 0.7 sekiranya nilai AVE tetap melebihi 0.5 (Hair et al. (2014)). Jadual 1 di bawah menunjukkan semua keputusan analisis mendapati kajian ini melepas tahap pengujian model sebagaimana yang dicadangkan.

Jadual 1

*Keputusan loading, AVE dan Composite Reliability*

Construct	Item	Loading	AVE	Composite Reliability
Efikasi Kendiri	EK1	0.824	0.612	0.825
	EK2	0.675		
	EK3	0.838		
Disiplin	DS1	0.712	0.522	0.765
	DS2	0.679		
	DS4	0.773		
Agama	AG1	0.689	0.541	0.825
	AG2	0.792		
	AG3	0.734		
	AG4	0.723		
Motivasi Ke sekolah	MK1	0.792	0.650	0.903
	MK2	0.825		

MK3	0.812
MK4	0.835
MK5	0.767

*Discriminant validity* pula merujuk kepada tahap perbezaan di antara satu konstruk dengan konstruk yang lain (Urbach, et al., 2010), ia merujuk kepada sejauh mana berlakunya perbezaan item di antara konstruk atau ukuran konsep yang berbeza (*distinct concepts*). Pengujian kesahan *discriminant* dijalankan untuk mengetahui sama ada sesuatu konstruk itu mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kajian ini menggunakan kaedah jadual perbandingan item *cross-loading* untuk menguji *discriminant validity*. Kaedah ini dilaksanakan dengan mengorelasikan item sesuatu konstruk dengan item dari konstruk yang lain (Chin, 1998). Nilai *loading* sesuatu item perlu lebih tinggi untuk konstruk yang diwakilinya sahaja dan rendah untuk konstruk yang lain, ia dilakukan dengan menggunakan nilai loading 0.5 yang dianggap signifikan (Hair et. al., 2014). Selain itu, pengujian terhadap *Discriminant validity* juga perlu disemak menggunakan cara melihat nilai *Square Root of Average Variance Extracted* (AVE) (Fornell & Cha, 1994; Fornell & Larcker, 1981; Henseler et al., 2009). Nilai punca kuasa dua AVE ke atas setiap konstruk perlu lebih tinggi daripada korelasi konstruk-konstruk yang lain.

Jadual 2 dan 3 di bawah menunjukkan nilai jadual cross loading dan punca ganda dua (AVE), nilai yang ditunjukkan secara diagonal adalah lebih besar daripada korelasi di antara konstruk lain yang ditunjukkan secara tidak diagonal.

Jadual 2  
*Cross Loading*

	AG	DS	EK	MK
AG3	<b>0.689</b>	0.171	0.367	0.286
AG4	<b>0.792</b>	0.375	0.404	0.475
AG5	<b>0.734</b>	0.412	0.261	0.317
AG9	<b>0.723</b>	0.223	0.130	0.308
DS1	0.323	<b>0.712</b>	0.490	0.382
DS4	0.214	<b>0.679</b>	0.332	0.317
DS8	0.342	<b>0.773</b>	0.388	0.484
EK1	0.321	0.460	<b>0.824</b>	0.562
EK4	0.335	0.377	<b>0.675</b>	0.354
EK7	0.316	0.466	<b>0.838</b>	0.467
MS2	0.340	0.352	0.486	<b>0.792</b>
MS3	0.366	0.513	0.532	<b>0.825</b>
MS4	0.394	0.457	0.533	<b>0.812</b>
MS5	0.421	0.532	0.455	<b>0.835</b>
MS8	0.451	0.376	0.420	<b>0.767</b>

Jadual 3  
AVE

	AG	DS	EK	MK
AG	<b>0.735</b>			
DS	0.414	<b>0.722</b>		
EK	0.408	0.557	<b>0.783</b>	
MK	0.489	0.558	0.603	<b>0.806</b>

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini dilihat telah memenuhi model pengukuran (kesahan dan kebolehpercayaan) sebagaimana yang ditetapkan.

**DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN*****Profil responden***

Jadual 1 menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang menjawab soal selidik adalah perempuan iaitu sebanyak 74.6% sedangkan bilangan hanya sebanyak 25.4% sahaja. Di antara responden yang dipilih masing-masing mewakili 48.4% pelajar tingkatan 2 dan selebihnya 51.6% adalah pelajar-pelajar tingkatan 3. Data profil ini juga menunjukkan terdapat 65.1% pelajar adalah beragama Islam sedangkan 34.9% di antara mereka bukan beragama Islam. Dari sudut pekerjaan ibu bapa, terdapat 1.6% daripada 126 orang responden berkerja dalam sektor kerajaan, 2.4% di sektor swasta dan selebihnya 96% dalam kalangan keluarga murid-murid Orang Asli ini berkerja sendiri. Dari sudut penempatan pula, majoriti dalam kalangan mereka tinggal di kawasan pedalaman Orang Asli iaitu 99.2%. Dilihat kepada pendapatan keluarga pula rata-rata pendapatan mereka berlebar di antara RM1000 ke bawah iaitu sebanyak 92%.

Jadual 1

*Data Demografi*

Latar Belakang	Jantina	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	32	25.4
	Perempuan	94	74.6
Tingkatan	Dua	61	48.4
	Tiga	65	51.6
Agama	Islam	82	65.1
	Bukan Islam	44	34.9
Pekerjaan Ibumapa	Kerajaan	2	1.6
	Swasta	3	2.4
	Kerja Sendiri	121	96.0
Tempat Tinggal	Bandar	1	.8
	Pedalaman	125	99.2
Pendapatan	1500 - 3000	5	4
	1000 - 1500	5	4
	1000 ke bawah	116	92

***Hipotesis Kajian***

Dapatan dan analisis kajian berdasarkan ujian hipotesis adalah sebagaimana yang dijelaskan melalui jadual 2 di bawah.

Jadual 2

*Keputusan Hipotesis Kajian*

	Original Sample (O)	Sample Mean (M)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics ( O/STDEV )	F2	
AG - MK	0.233	0.229	0.075	3.112	0.002	0.078
DS - MK	0.259	0.272	0.081	3.211	0.001	0.082
EK - MK	0.364	0.364	0.085	4.285	0.000	0.160

Berdasarkan dapatan kajian di atas, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan kesemua faktor-faktor seperti efikasi kendiri, pematuhan disiplin diri dan pegangan agama dalam kalangan murid-murid orang Asli ini mempunyai hubungan signifikan terhadap motivasi diri mereka untuk ke sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid ini mempunyai efikasi kendiri yang baik yang memotivasi mereka ke sekolah. Begitu juga dengan masalah disiplin, walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah disiplin diri semasa di sekolah namun kajian menunjukkan bahawa murid-murid ini mampu beradaptasi dengan disiplin sekolah sehingga didapati pematuhan ini juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi mereka untuk ke sekolah. Selain itu, pegangan agama dalam kalangan mereka juga adalah baik dan faktor amalan agama dalam kalangan mereka juga menunjukkan adanya hubungan positif yang signifikan terhadap motivasi diri untuk ke sekolah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, semua keputusan analisis mendapati kajian ini melepas tahap pengujian model sebagaimana yang dicadangkan. Penilaian terhadap model struktural pula meliputi penilaian ke atas nilai R<sup>2</sup>, beta dan nilai t yang mana secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan kesemua faktor-faktor seperti efikasi kendiri, pematuhan disiplin diri dan pegangan agama dalam kalangan murid-murid orang Asli SMK Bawong mempunyai hubungan signifikan terhadap motivasi diri mereka untuk ke sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid ini mempunyai efikasi kendiri yang baik yang memotivasi mereka ke sekolah. Begitu juga dengan masalah disiplin, walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah disiplin diri semasa di sekolah namun kajian menunjukkan bahawa murid-murid ini mampu beradaptasi dengan disiplin sekolah sehingga didapati pematuhan ini juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi mereka untuk ke sekolah. Selain itu, pegangan agama dalam kalangan mereka juga adalah baik dan faktor amalan agama dalam kalangan mereka juga menunjukkan adanya hubungan positif yang signifikan terhadap motivasi diri untuk ke sekolah.

## CADANGAN KAJIAN LANJUT

Kajian ini hanya pada peringkat permulaan sahaja yang hanya bertumpu kepada tiga faktor. Kajian lanjut boleh dilakukan dengan melihat pelbagai pemboleh ubah lain yang dilihat turut mempengaruhi motivasi murid-murid dalam kalangan Orang Asli ini untuk ke sekolah seperti faktor personaliti guru, kaedah pengajaran, budaya sekolah, rakan sebaya, kepimpinan guru dan sebagainya. Kajian perlu dilakukan secara lebih meluas terutamanya dalam melihat faktor-faktor penentu yang melibatkan tahap kecinciran dalam kalangan pelajar Orang Asli di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abd. Ghani Alias. (2015). The Teaching of Indigenous Orang Asli Language in Peninsular Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 208, 253-262.
- Abd. Gani Mumuh. (2018). Pengaruh Disiplin Diri Dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa Akademi Maritim Cirebon. *Syntax Literate; Jurnal Ilmiah Indonesia*, 3(2), 82-93.
- Ahmad Busrol. (2019). In: Atthulab, *Journal of Islamic Religion Teaching And Learning*, Vol 4, ISS2 236-251.
- Asliza Musa. (2016). Sekolah menengah harian pertama Orang Asli beroperasi, <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sekolah-menengah-harian-pertama-orang-asli-beroperasi-1.386014> - Dilayari pada 15/4/2017
- Anderson, J. C., & Gerbing, D. W. (1988). Structural equation modeling in practice: A review and recommended two-step approach. *Psychological bulletin*, 103(3), 411.
- Benjamin, G .(2012). The Aslian languages of Malaysia and Thailand: An assessment. In Peter K. Austin & Stuart McGill (eds). *Language Documentation and Description*, 11, 136-230.
- Cambridge Dictionaries Online. (2016). Meaning of “self-discipline” in the English Dictionary. Cambridge: Cambridge University Press. <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/self-discipline>. Dilayari pada 25/10/2017.

- Chin, W. W. (1998). The partial least squares approach to structural equation modeling. *Modern methods for business research*, 295(2), 295-336.
- Creswell, J. W. (2018). Designing and conducting mixed methods research. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dian Yuni Lutfiana. (2015). Hubungan Motivasi Belajar Dengan Disiplin Belajar Siswa Kelas IV Dan V SD Muhammadiyah 7 Joyosuran Kecamatan Pasar Kliwon Kota Surakarta Tahun Ajaran 2014/2015, *Doctoral dissertation*, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- De Ridder, D. T. D., Lensvelt-Mulders, G., Finkenauer, C., Stok, F. M., and Baumeister, R. F. (2012). Taking stock of self-control: a meta-analysis of how trait self-control relates to a wide range of behaviors. *Pers. Soc. Psychol. Rev.* 16, 76–99.
- Gorbunovs, A., Kapanieks, A., & Cakula, S. (2016). Self-discipline as a key indicator to improve learning outcomes in e-learning environment. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 231, 256-262.
- Fariyah Salwa. (2012). Hubungan antara Efikasi Diri dengan Motivasi Berprestasi pada Siswa SMA Muhammadiyah 6 Yogyakarta. Skripsi. UNY Yogyakarta.
- Guiffrida, D. A., Lynch, M. F., Wall, A. F., & Abel, D. S. (2013). Do reasons for attending college affect academic outcomes?: A test of a motivational model from a self-determination theory perspective. *Journal of College Student Development*, 54(2), 121-139.
- Gorbunovs, A., Kapanieks, A., & Cakula, S. (2016). Self-discipline as a Key Indicator to Improve Learning Outcomes in e-learning Environment. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 231, 256-262.
- Hair Jr, Joseph. F., & Lukas, B. (2014). *Marketing research* (Vol. 2). McGraw-Hill Education Australia.
- Hofmann, W., Baumeister, R. F., Forster, G., & Vohs, K. D. (2012). Everyday temptations: An experience sampling study of desire, conflict, and self-control. *Journal of Personality and Social Psychology*, 102, 1318–1335
- Jamal, M. D., & bin Yunus, N. Self-Efficacy and Academic Performance of Secondary Schools Students in Perak: An Exploratory Outlook.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (2006). *Data maklumat asas, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia*. JHEOA, Kuala Lumpur.
- JHEOA, (1999). Syarat-syarat Menjalankan Kajian/Penyelidikan di Perkampungan Orang Asli yang telah diluluskan oleh JHEOA, March. UNICEF & CDC, 1998. Ministry of Education Malaysia.,
- Jamalulnaili Abdullah, Nazura Mohamed Sayuti, Afiza Azura Mohamad Arshad, dan Mohd Ruzed Embong. (2016). Living Conditions in Orang Asli Resettlement Project (PROSDET) of Pantos, Pahang, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 222, 143-150.
- Ma, Xin. (2001). Bullying and Being Bullied: To What Extent Are Bullies Also Victims, *American Educational Research Journal*, 38, 351-370.
- Majid Ghasemy, Sufean Hussin, Ahmad Zabidi Abd Razak, Simin Ghavifekar. (2018). Determining the key capacities of effective leaders in Malaysia public and private focused universities, *Journal Of SEGA Open*. 2018 (8)
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.
- Michael, E., & Chuen, E. M. (2012). Education and health awareness among indigenous people: a study in Perak, Malaysia. ARPN J Sci Tech, 2, 745-749.
- Misnaton Rabahi, Hamidah Yusof, Marinah Awang. (2015, September). Model of hope: Leading learning among the Indigenous Orang Asli students. In *2nd International Conference on Multidisciplinary Trends in Academic Research* (pp. 29-30).
- Othman, Che Noriah, Roz Azinur Che Lamin, Maryam Farooqui dan Norsabrina Sihab. (2012). Lifestyle Related Diseases amongst Orang Asli in Peninsular Malaysia-Case Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 36, 383–392. doi:10.1016/j.sbspro.2012.03.042.
- Ramlee B. Mustapha. (2013). Attributes That Affect Self-Efficacy and Career Development of Orang Asli Youth in Peninsular Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education* Vol. 6, No. 1, 2013, 1-24
- Ramle Abdullah, Wan Hasmah Wan Mamat, Wan Amir Zal & Asmawi Mohamad Ibrahim. (2013). Teaching and learning problems of the Orang Asli education: students' perspective. *Asian Social Science*, 9(12), 118.
- Rustika Made. (2016). Efikasi Diri: Tinjauan Teori Albert Bandura, *Buletin Psikologi*, Universitas Gadjah Mada, Vol 20, Iss 1-2, Pp 18-25.

- Sasson, R. (2016). What is self-discipline? Definitions. from <http://www.successconsciousness.com/blog/innerstrength/what-is-self-discipline-definitions/>. Dilayari pada 2/5/2017.
- Schwartz. (2006). Schwartz, K.D. 2006. Tranformations in Parent and Friend Faith Support Predicting Adolescents' Religious Faith. *The International Journal for The Psychology of Religion*, 16(4), 311-326.
- Skaalvik, E. M., & Rankin, R. J. (1995). A test of the internal/external frame of reference model at different levels of math and verbal self-perception. *American educational research journal*, 32(1), 161-184.
- Urbach, N., Ahleman.F. 2010. Structural Equation Modeling in Information Systems Research Using Partial Least Squares. *Journal of Information Technology Theory and Application*. Vol. 11: Iss. 2
- Wan Suhaila Wan Yaacob & Yahya Don. 2018. Leadership Model: Role and Value, *Journal of Pedagogical Research*. 2018;2(2) 112-121
- Zainal Abidin. (2004). Jabatan Hal Ehwal Orang Asli: Peranan Dalam Bidang Penyelidikan. Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli. Organized by Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 8 September, 2004.
- Zimmerman, B. J., Bandura, A., & Martinez-Pons, M. (1992). Self-motivation for academic attainment: The role of self-efficacy beliefs and personal goal setting. *American educational research journal*, 29(3), 663-676.